

SOALAN NO: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING**

**[KULAI]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN:**

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha Kementerian untuk membantu mangsa rogol bawah umur yang telah berkahwin dengan perogolnya Riduan Masmud, sama ada mangsa rogol masih bersekolah, dan di bawah jagaan yang baik.

87

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap kes berkenaan.

Kejadian kes telah dirujuk oleh Hospital Likas, Kota Kinabalu pada 19 Februari 2013 dan semasa kejadian, kanak-kanak berumur 12 tahun 8 bulan. Kanak-kanak telah dirujuk kepada Pegawai Psikologi JKM untuk tujuan bimbingan dan kaunseling. Pada 22 Mei 2013, Pelindung JKM telah membuat sesi lawatan ke rumah kanak-kanak dan dimaklumkan kanak-kanak telah bersetuju untuk berkahwin dengan Riduan Masmud dan perkahwinan yang diwalikan oleh bapa kandung kanak-kanak telah dijalankan di Jabatan Agama Islam Sabah di Wisma MUIS pada 7 Mei 2013.

Pada 10 Mac 2014, Pelindung juga telah membuat lawatan ke rumah keluarga kanak-kanak untuk urusan persekolahan. Kanak-kanak menyatakan tidak berminat lagi untuk ke sekolah walaupun dipujuk kerana malu terhadap liputan meluas kes berkenaan. Sesi lawatan, kaunseling dan nasihat diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan kanak-kanak berada dalam keadaan baik.

Lawatan terkini ke rumah keluarga kanak-kanak telah dijalankan pada 18 April 2017. Kanak-kanak kini berusia 16 tahun dan berada dalam keadaan sihat serta masih tinggal bersama ibu bapanya sejak suaminya di penjarakan. Kanak-kanak masih berstatus isteri kepada Riduan Masmud dan telah melawat suaminya di penjara Kepayan, Kota Kinabalu pada Januari 2017. Kanak-kanak memaklumkan selesa tinggal bersama ibu bapanya dengan membantu ibunya menjaga anak-anak kakak dan abangnya yang tinggal bersama. Kanak-kanak juga berhasrat untuk keluar berkerja pada masa hadapan bagi menampung kehidupannya. Ibu bapa memaklumkan bahawa mereka bersedia dan tiada masalah untuk menjaga kanak-kanak tersebut.